

# Majlis Menandatangani Surat Perjanjian (LOA)

Dalam mencapai hasrat untuk membangunkan sektor industri kelapa sawit Negara khususnya dalam sektor penyelidikan dan pembangunan, Universiti Malaysia Sabah melalui Unit Penyelidikan Minyak Sawit lestari (SPOR), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) telah menjalinkan satu lagi jaringan kerjasama yang erat dengan rakan industri kelapa sawit, Kam Cheong Plantation Sdn Bhd dan Agri-Biotech Marketing Sdn Bhd pada 26 November 2014 yang lalu melalui upacara menandatangani Surat Perjanjian (LOA). Upacara berkenaan telah diadakan di Dewan Auditorium Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS yang mana pihak UMS telah diwakili oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, pihak Kam Cheong Plantation Sdn Bhd diwakili oleh Tuan Pengaruhnya Encik Cheong Sun Yan manakala pihak Agri-Biotech Marketing Sdn Bhd telah diwakili oleh Tuan Pengaruhnya Encik Lawrence Ang. Agri-Biotech Marketing Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang membekalkan produk penting khusus buat peladang dalam menjaga hasil tanaman dan tuaian daripada penyakit dengan mengamalkan konsep meningkatkan kesihatan tanah dan tumbuhan sekaligus menjaga alam sekitar. Dalam upacara tersebut, pihak Kam Cheong Plantation Sdn Bhd dan Agri-Biotech Marketing Sdn Bhd juga telah komited untuk menyalurkan dana penyelidikan sebanyak RM 153,000.00 kepada unit SPOR bagi mengkaji pendekatan alternatif dalam menangani isu penyakit kelapa sawit, khususnya penyakit yang disebabkan oleh kulat *Ganoderma*. “Saya berasa gembira untuk mengetahui bahawa Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (SPOR) kami sungguh proaktif untuk bekerjasama dengan pihak industri dalam menangani isu ini penting yang pasti akan memberi manfaat kepada industri,” kata Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, melalui Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, pada majlis menandatangani LOA berkenaan.



Dari kiri; Encik Hasmi bin Hashim (Timbalan Pendaftar FSSA), Prof. Prof. Dr. Chong Khim Phin (Ketua Unit SPOR), Prof. Madya Dr. Abdullah Bade (Timbalan Dekan, FSSA), Lt Kolonel Datuk Abdullah Haji Mohd. Said (Pendaftar), Encik Cheong Sun Yan (Pengarah Kam Cheong Plantations Sdn. Bhd.), Encik Lawrence Ang (Pengarah Agri-Biotech Marketing Sdn. Bhd.), Encik Airik Bismil Ang Posun (Pengarah Agri-Biotech Marketing Sdn. Bhd.) dan Encik Sylvencent Pokhan (Penolong Pendaftar FSSA).